

BBPPS

Buletin Bahagian Perolehan dan Penswastan

EDISI I / 2017



Dari Meja EDITOR

Tahun 2017, membuka lembaran baharu dengan pelbagai sasaran yang harus diberikan tumpuan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPPs). Salah satu lembaran tahun ini adalah bagi menyahut saranan YBhg. Dato' Mohd Shafiq Bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan, TKSU (K), untuk menerbitkan buletin BPPs sebagai salah satu naskah rujukan atau laporan kepada aktiviti-aktiviti yang telah diadakan.

Justeru, Team Editor BPPs (EdBPPs) berhasrat menerbitkan Buletin BPPs sebanyak empat (4) kali setahun iaitu pada setiap suku tahun dengan harapan terbitan ini merupakan naskah penting yang berinformatif sebagai rujukan buat semua terutamanya warga KKM dalam mendapatkan maklumat terbaharu mengenai prosedur perolehan serta aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh BPPs. Niche tersebut cuba diaplikasikan melalui beberapa penerbitan Buletin BPPs pada masa akan datang. Bagi warga BPPs, kami percaya butiran dan gambar yang dimuatkan bakal menjadi kenangan terindah bersama untuk disemadikan.



Ucapan Aluan oleh SUB BPPs

Assalamualaikum W.B.T
Salam Sejahtera dan Salam Sihat 1 Malaysia.

Alhamdulillah, segala puji pujian ke hadrat Allah S.W.T atas limpah rahmat dan izin-Nya diberi kesempatan untuk menerbitkan Buletin BPPs Edisi 1/2017 buat julung-julung kalinya. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Team EdBPPs atas komitmen dan kesungguhan sehingga terhasil sebuah Buletin walaupun dalam kesibukan menjalankan tugas-tugas hakiki.

Kelahiran Buletin ini adalah hasil cetusan idea oleh YBhg. Dato' TKSU(K) bagi menggalakkan kreativiti dalam inisiatif dikalangan warga BPPs dan menjadi medium untuk warga KKM mengenali serba sedikit asas perolehan Kerajaan serta mengetahui peranan BPPs di KKM.

Saya yakin dan percaya dengan adanya bahan penerbitan sebegini akan menjadi sebuah manifestasi bahawa warga BPPs sentiasa komited, bertanggungjawab dan amanah dalam mengurus semua tugas yang diberikan. Akhir kata, saya menaruh harapan tinggi agar Buletin - Buletin BPPs yang akan diterbitkan pada masa akan datang mampu dimanfaatkan oleh seluruh warga BPPs khususnya dan KKM amnya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Hj. Mohd Dusuki bin Hj. Yaacob
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan



ISI KANDUNGAN

3

Tak Kenal Maka Tak Cinta

4

SOP Pengurusan Kelulusan Perolehan
Barangan Import, Kementerian
Kesihatan Malaysia Bilangan 2

5

Info Sekilas

6

Program @ BPPs

8

KESKEB



EdBPPs

Penasihat

Tn. Hj. Mohd Dusuki Bin Hj. Yaacob

Ketua Editor

Pn. Noor 'Abidah Bt Mohd Dawi

Kumpulan Editor


En. Mohd Hafiz Bin Abas
Pn. Qatrunnada Bt. Mat Kamis
Cik Ilie Aslah Bt. Mohd Razuki

TAK KENAL MAKA TAK CINTA

Assalamualaikum w.b.t.

Sebelum saudara saudari mengorak langkah lebih jauh, elok kiranya kita mengenali warga Bahagian Perolehan dan Penswastaaan (BPPs) dengan lebih dekat serta mengetahui bidang tugas yang dipertanggungjawabkan. BPPs diterajui oleh Tuan Haji Mohd Dusuki Bin Hj. Yaacob (JUSA C) sebagai Setiausaha Bahagian dengan kapasiti staf seramai 108 orang. BPPs terbahagi kepada tiga (3) cawangan iaitu Cawangan Pengurusan Aset, Stor & Penswastaaan, Cawangan Dasar Perolehan dan Cawangan Perolehan. En. Mohd Fauzee Bin Abd. Majid merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) di Cawangan Pengurusan Aset, Stor & Penswastaaan yang bertanggungjawab melaksanakan pelupusan aset,

pengurusan penerimaan hadiah, pembekalan produk di bawah *Approved Products Purchase List* (APPL), pengurusan pelaksanaan penswastaaan, penilaian prestasi syarikat konsesi dan lain-lain. Bahagian Cawangan Dasar Perolehan pula diketuai oleh TSUB, Pn. Norli Binti Karim, dan cawangan ini bertanggungjawab menguruskan Lembaga Perolehan KKM, penggubalan dasar perolehan, urusan pentadbiran am BPPs, pengurusan kontrak pusat, dan lain-lain. Seterusnya ialah Cawangan Pengurusan Perolehan yang diketuai oleh Pn. Mirza Ridiana Binti Che Din selaku TSUB. Cawangan ini menguruskan perolehan yang melibatkan peralatan, kenderaan, farmaseutikal, perkhidmatan kawalan keselamatan, bahan mentah, ICT dan lain-lain.



PROSEDUR OPERASI STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE - SOP) PENGURUSAN KELULUSAN PEROLEHAN BARANGAN IMPORT, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BILANGAN 2

LATAR BELAKANG

- **22 Julai 2014** - MITI telah memutuskan untuk tidak lagi menguruskan permohonan perolehan barangan import.
- **26 September 2014** - MOF memutuskan Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk mempertimbang dan meluluskan perolehan barangan import bagi peringkat Kementerian mengikut mekanisme yang dipersetujui oleh Pegawai Pengawal.
- SOP Bil.1 Permohonan Perolehan Barangan Import KKM yang berkuat kuasa mulai 4 Februari 2015 telah diedar.
- Penambahbaikan ke atas SOP Bil.1 adalah perlu bagi meningkatkan tadbir urus proses perolehan barangan import.

OBJEKTIF

Meningkatkan kesedaran kepada PTJ untuk mengutamakan barangan buatan tempatan.

Meningkatkan penyelarasan di peringkat PTJ untuk mengenalpasti keperluan sebenar perolehan barangan import dan menggalakkan gunasama di kalangan PTJ.

Mengurangkan kos perolehan dan mengelakkan pengaliran keluar mata wang selaras dengan dasar pengoptimuman belanjawan Kerajaan

PENAMBAHBAIKAN SOP BILANGAN 2

Takrifan:

“Barangan Import” adalah ditafsirkan sebagai barangan yang tidak ada pengeluaran/pemasangan tempatan

Proses Pemohonan Perolehan Barangan Import:

- Permohonan dikemukakan oleh PTJ untuk perakuan Jawatankuasa Penilaian Perolehan Barangan Import (JKPBI) dan kelulusan Pegawai Pengawal.

Pengecualian:

- Sebarang pengecualian daripada perolehan barangan tempatan perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal sekiranya terdapat kes-kes berikut:

- pengeluaran tempatan tidak berminat/tidak menyertai tawaran;
- peralatan tempatan tidak memenuhi spesifikasi;
- tiada pembekal memasuki sebut harga/tender; dan
- harga tawaran melebihi 20% dari harga anggaran jabatan

- SST hanya boleh dikeluarkan selepas menerima kelulusan MOF

Pengesahan Borang Permohonan

Borang Permohonan Kelulusan Barangan Import hanya perlu pengesahan Ketua Jabatan

Tiada

Takrifan:

“Barangan Import” adalah barangan yang tidak dikeluarkan dalam negara
“Barangan Tempatan” adalah produk keluaran syarikat tempatan dan syarikat tersebut berdaftar dengan MOF di bawah kod bidang XXXX99

Proses Pemohonan Perolehan Barangan Import:

- Satu Jawatankuasa Penyelarasan Perolehan Barangan Import (JPPBI) diwujudkan di peringkat PTJ bagi mengenal pasti keperluan dan fungsi penggunaan barangan import.
- Kemukakan permohonan untuk perakuan JKPBI dan kelulusan Pegawai Pengawal seperti di carta alir di dalam SOP

Pengecualian:

- Sebarang pengecualian daripada perolehan barangan tempatan hendaklah mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal
- Pengecualian kepada permohonan kelulusan barangan import adalah tertakluk kepada pertimbangan dan syor JKPBI

Pengesahan Borang Permohonan

Borang Permohonan Kelulusan Barangan Import hanya perlu pengesahan Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Perolehan Barangan Import dan juga Ketua Jabatan

Direktori dimuat turun di laman web KKM untuk rujukan PTJ bagi syarikat tempatan yang mengeluarkan produk tempatan untuk peralatan perubatan, peralatan bukan perubatan, ubat-ubatan dan reagen.

SOP Bil. 2 (terkini) telah diedarkan kepada Bahagian / Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) / Institusi di bawah KKM melalui surat edaran Ketua Setiausaha KKM rujukan KKM-57/T4/292 JLD 7 (67) bertarikh 11 Januari 2017. SOP tersebut berkuatkuasa mulai 6 Januari 2017. Sehubungan itu, SOP yang bertarikh 4 Februari 2015 adalah **dibatalkan**.

PROGRAM @ BPPs



PEROLEHAN KENDERAAN AMBULAN

Pada tahun 2016, Bahagian Perolehan dan Penswastaaan telah melaksanakan perolehan 500 unit kenderaan ambulan dengan nilai sebanyak RM220.5 juta. Perolehan ini melibatkan bilangan unit ambulan terbesar yang pernah diuruskan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaaan.

Kementerian Kesihatan Malaysia dijangka akan menerima ambulan ini secara berperingkat bermula pada bulan Julai 2017 sehingga bulan September 2018. Kenderaan ambulan ini akan diagihkan kepada Hospital dan Klinik Kesihatan di seluruh negara.



BENGKEL PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN PEROLEHAN HIJAU KKM TAHUN 2017

Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Perolehan Hijau KKM Tahun 2017 telah diadakan pada 3 Mac 2017 bertempat di Malaysia Green Technology Corporation (GreenTech) yang dirasmikan oleh YBhg Dato' Mohd Shafiq Bin Abdullah, TKSU (K).

Bengkel ini merupakan anjuran bersama antara GreenTech dengan Bahagian Perolehan dan Penswastaaan. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi bimbingan kepada pegawai perolehan di semua Pusat Tanggungjawab mengenai penyediaan spesifikasi perolehan yang melibatkan elemen / kriteria hijau bagi perolehan tahun 2017.

*Disediakan oleh En. Lai Lung Kwang
Unit Perolehan Peralatan dan Kenderaan*

INFO SEKILAS

PRINSIP-PRINSIP PEROLEHAN

Akauntabiliti
Awam

Persaingan
Terbuka

Diuruskan
Secara Telus

Adil Dan
Saksama

Nilai Faedah
Terbaik

Sumber : IPP/PKI Perkara 2

SYARAT-SYARAT PELANJUTAN KONTRAK

Kontrak masih berkuatkuasa

Tidak melibatkan perubahan harga

Pelanjutan tempoh diberi sekali sahaja.
Tempoh maksimum sehingga 2 tahun.

Tambahan kuantiti/nilai tidak melebihi
50% kontrak asal tertakluk kepada nilai
maksimum RM7.5 juta dengan syarat
jumlah tambahan dan nilai kontrak asal
tidak melebihi RM 25 juta

Sumber : Arahan Perbendaharaan 2011 (a)

PROGRAM @ BPPs

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN PERINGKAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (JKPAK) BIL.1/2017

Mesyuarat JKPAK Bil.1/2017 telah diadakan Pada 24 Januari 2017, Di Bilik Gerakan, Aras 4, Blok E7 dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan dihadiri oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) dan Timbalan Pengarah (Pengurusan) serta Pegawai Aset PTJ berkenaan.

Mesyuarat membincangkan perkara-perkara berkaitan pengurusan aset dan mengingatkan semua yang terlibat agar lebih berhati-hati dengan barangan di stor kerana sejak kebelakangan ini terdapat satu *trend* kecurian dakwat pencetak (*toner*). Modus operandi kes kecurian dakwat pencetak adalah sama iaitu penyamaran sebagai wakil syarikat pembekalan *toner*/ dakwat pencetak dan memakai baju berlogo syarikat serta membawa dokumen sokongan yang berkaitan. Wakil tersebut akan meminta masuk ke stor dengan alasan untuk menukarkan *toner* / dakwat pencetak yang telah tamat tempoh serta mahu memberi tunjuk ajar bagaimana hendak membezakan *toner original* dengan *toner* tiruan.

Antara perkara-perkara lain yang dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK ini adalah:

1. Bilangan Aset Alih KKM sehingga 31 Disember 2016

PERKARA	JUMLAH KESELURUHAN
Bilangan Aset (Butiran Aset)	2,556,800
Nilai Aset (RM)	RM10,644,504,829

2. Pelupusan Aset Alih sepanjang tahun 2016

Jumlah keseluruhan aset alih yang dilupuskan pada tahun 2016 sehingga 31 Disember di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sebanyak **13,920 unit harta modal** dan **23,837 unit aset**.

Pelupusan aset berkenaan dibuat secara dengan kaedah jualan secara sebutharga .



Contoh mesin MRI yang dilupuskan

PENYAMPAIAN CERAMAH KURSUS TATACARA PENGURUSAN ASET ALIH DAN STOR KERAJAAN BAGI INSTITUSI LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) ZON SEMENANJUNG

En. Zahari bin Noordin dan En. Mohd Farid Asmuzi dari UPAS telah menyampaikan ceramah anjuran Bahagian Pengurusan Latihan, KKM di Hotel Midah, Kuala Lumpur. Kursus yang berlangsung selama 3 hari bermula 7 Mac 2017 sehingga 9 Mac 2017 ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan kefahaman dan kemahiran para peserta mengenai pengurusan Aset Alih dan Stor secara menyeluruh terutama di Institut Latihan. Seramai 75 orang peserta yang hadir terdiri daripada semua Pegawai Aset Institut Latihan KKM di Semenanjung Malaysia.



Disediakan oleh En Jeya Seelan A/L Subramaniam
Unit Pengurusan Aset dan Stor

PROGRAM @ BPPs



BENGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN PEROLEHAN, PENSWASTAAN & ASET PADA 16-18 FEBRUARI 2017

Bengkel Pemantapan Pengurusan Perolehan, Penswastan Dan Aset telah dianjurkan oleh BPPs, KKM pada 16 hingga 18 Februari 2017 di Pusat Latihan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Camar Laut, Sepang, Selangor.

Seramai 33 orang pegawai dan anggota pelaksana BPPs, KKM telah menghadiri bengkel tersebut dengan objektif untuk menyemak semula, menambahbaik dan mengemaskini proses-proses kerja pengurusan perolehan, penswastan dan aset bagi memastikan proses kerja tersebut dilaksanakan dengan kaedah terbaik mengikut peraturan yang ditetapkan. Penerapan nilai integriti turut diserapkan dalam bengkel tersebut oleh penceramah dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bengkel tersebut diakhiri dengan majlis penutup yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, TKSU (K), KKM.

BENGKEL PENGURUSAN REKOD & KESELAMATAN PERLINDUNGAN, BAHAGIAN PEROLEHAN & PENSWASTAAN

Bengkel Pengurusan Rekod Dan Keselamatan Perlindungan, Bahagian Perolehan dan Penswastan telah diadakan pada 11 Januari 2017 dan dihadiri oleh 28 orang pegawai dan anggota pelaksana BPPs, KKM.

Bengkel yang dianjurkan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastan, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPPs, KKM) adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran peserta mengenai pengendalian dokumen terperingkat dan pengurusan fail yang betul.

Pegawai dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dan Jabatan Arkib Negara telah dijemput sebagai penceramah dalam bengkel tersebut.

SESI LATIHAN KEWANGAN BAHAGIAN PEROLEHAN & PENSWASTAAN

BPPs, KKM telah menganjurkan Sesi Latihan Kewangan Bahagian Perolehan dan Penswastan pada 2 Februari 2017 bagi pegawai dan staff BPPs, KKM yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan.

Objektif program tersebut adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran peserta dengan tatacara urusan kewangan yang betul ekoran daripada teguran audit e-SPKB pada tahun 2016.

Pegawai dari Bahagian Akaun, KKM telah dijemput sebagai penceramah dalam program tersebut.

PROGRAM AKREDITASI PEROLEHAN KERAJAAN (PAPK) SECARA PROJEK RINTIS DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah memperkenalkan Program Akreditasi Perolehan Kerajaan (PAPK) di bawah pelaksanaan *Treasury Transformation Programme* (TTP). Program ini merupakan inisiatif Kerajaan untuk mempertingkatkan amalan serta tadbir urus baik dalam bidang pengurusan perolehan.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dipilih oleh MOF sebagai salah satu **Agensi Perintis bagi Pelaksanaan PAPK Secara Projek Rintis** selain MOF dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK). Lawatan penilaian PAPK di KKM telah dilaksanakan selama dua (2) hari pada 14 dan 15 Februari 2017.

Antara indikator-indikator penilaian PAPK adalah berkaitan sumber manusia, akauntabiliti, rekod perolehan, penilaian awam dan inovasi, kreativiti dan inisiatif baharu yang dilaksanakan oleh setiap Agensi.

*Disediakan oleh Pn. Zumaira bt. Zainal
Unit Pemantauan Dasar Perolehan*

KESKEB

(KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN BPPs)

TAKWIM PERANCANGAN KESKEB 2017

JANUARI	FEBRUARI	MAR	APRIL	MEI	JUN
Anugerah Pekerja Terbaik	Anugerah Pekerja Terbaik	Anugerah Pekerja Terbaik Bacaan Yaasin & Sambutan Harijadi Kursus Penampilan Diri Bersama Mary Kay	Anugerah Pekerja Terbaik Pre-Love Mega Broga Hiking	Anugerah Pekerja Terbaik Pengisian Ramadhan Program Bersama Gelandangan	Anugerah Pekerja Terbaik Pengisian Ramadhan Bacaan Yaasin & Sambutan Harijadi Sambutan Aidilfitri
JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DESEMBER
Anugerah Pekerja Terbaik	Anugerah Pekerja Terbaik Pertandingan Badminton/ Bowling	Anugerah Pekerja Terbaik Bacaan Yaasin & Sambutan Harijadi	Anugerah Pekerja Terbaik	Anugerah Pekerja Terbaik Annual Dinner/ Family Day	Anugerah Pekerja Terbaik Bacaan Yaasin & Sambutan Harijadi

KESKEB melalui Biro Kerohanian, Biro Kebajikan dan Kemaslahatan, Biro Ekonomi dan Kewangan, Biro Sukan dan Kesihatan dan Biro Tugas-Tugas Khas telah mengemukakan cadangan perancangan aktiviti-aktiviti KESKEB sepanjang tahun 2017. Dengan adanya aktiviti sebegini, diharap ukhwah dan kemesraan sesama warga BPP dapat diperkukuhkan dan lebih mesra. Dalam masa yang sama, warga BPP masih boleh mengemukakan cadangan aktiviti kepada AJK KESKEB pada bila-bila masa.

KELAHIRAN KELUARGA BARU

Baby Nur Delisha Zuhaira bt Mohd Fuad
DOB : 9 Januari 2017
Puan Farah Azfarina Bt Abdul Aziz



Baby Ziqri Hadi bin Zul Hilmi
DOB : 3 Februari 2017
Puan Badariah Bt. Ramli



Baby Alia bt Zulhari
DOB : 5 Mac 2017
Puan Noorul Aini Bt. Mohd



Baby Thirza & Thaddeus
DOB : 13 April 2017
Encik Bicho Anak Bahat



PROGRAM



Sambutan Tahun Baru Cina

KESKEB telah menyerahkan cenderahati ikhlas kepada warga BPP yang menyambut Tahun Baru Cina (TBC), iaitu Cik Lydia Pook Ying Ying, Encik Lai Lung Kwang dan Cik Tan Jye Teng. Diharap dengan cenderahati ini dapat memeriahkan lagi sambutan TBC oleh pegawai-pegawai ini.



Aktiviti Riadah di Camar Laut



KESKEB telah menganjurkan acara riadah semasa Bengkel Pemantapan BPP pada 16-18 Feb di LKIM Camar Laut Bagan Lalang. Aktiviti riadah hari pertama dipenuhi dengan Sesi Berjalan 1000 Langkah bersama KESKEB di mana warga BPP akan berjalan bersama-sama menyusuri pantai sambil menikmati pemandangan yang indah.

Aktiviti riadah hari kedua pula adalah permainan baling selipar. Aktiviti ini amat menyeronokkan dimana selain mengeratkan silaturrahim warga BPP, ia juga mampu mengimbau kembali saat-saat kecil di mana aktiviti baling selipar adalah permainan yang digemari pada waktu dahulu.

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4 & 7, Blok E, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya**